

29/05/2000

Dr M tidak perlu segera umum lantikan

PORT DICKSON, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak perlu tergesa-gesa mengumumkan pelantikan ketua badan perhubungan negeri, 10 anggota dilantik bagi Majlis Tertinggi (MT) dan pengerusi biro.

Menurut Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, terpulang kepada Perdana Menteri untuk membuat pelantikan itu sama ada pada mesyuarat MT Umno minggu depan atau selepas itu.

"Presiden mempunyai hak membuat pelantikan itu mengikut perlembagaan parti. Berikanlah masa kepada Presiden Umno kerana beliau memerlukan masa untuk berbuat demikian.

"Lagipun, banyak pelantikan yang perlu dibuat dan beliau perlu memikirkan dengan mendalam selain mendapatkan pandangan daripada pemimpin lain dalam parti," katanya.

Ketika ditemui pemberita selepas menemui pegawai Jabatan Penerangan di sini, hari ini beliau berkata, presiden tidak perlu tergesa-gesa berbuat demikian.

Khalil berkata, MT berjalan seperti biasa kerana jawatankuasa penting parti seperti Jawatankuasa Pengurusan Disiplin yang dipengerusikan Timbalan Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Jawatankuasa Keahlian yang dipengerusikan Datuk Seri Najib Tun Razak, tetap berfungsi.

Ditanya sama ada pemimpin yang gagal merebut jawatan MT adalah antara 10 ahli yang akan dilantik, beliau berkata: "Jangan tanya ini ... saya enggan buat spekulasi."

(END)